

## SIARAN MEDIA

### PERSIDANGAN PSIKOLOGI PERKHIDMATAN AWAM 2024 TUMPU KESEJAHTERAAN KESIHATAN MENTAL

---

**KUCHING, SARAWAK 1 Oktober 2024** – Penganjuran *International Conference on Psychological Well-Being in Conjunction with 2024 Public Service Psychology Conference (ICOPW2024)* dengan tema Menelusuri SDG3: Ke Arah Kesejahteraan Malaysia MADANI adalah platform terbaik kepada pegawai awam dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Malaysia MADANI dan Ekonomi MADANI untuk membina kesejahteraan masyarakat. Ini juga selari dengan **agenda kerajaan dalam memastikan mental dan fizikal yang sihat**, seterusnya menyokong kepada **peningkatan produktiviti pegawai awam** ke tahap optimum.

Melalui kolaborasi strategik antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), persidangan ini yang berlangsung pada **1-2 Oktober 2024** telah berjaya **menghimpunkan seramai 272 orang pakar psikologi rantau Asia Tenggara antaranya Malaysia, Indonesia, Brunei, Myanmar, Yaman dan Iran**. Persidangan ini juga memberi manfaat kepada seramai 15 orang Value Champion Officer (VCO) Kementerian dan Jabatan yang dilantik oleh JPA untuk bertukar-tukar pandangan dan pengalaman dalam melestarikan pembudayaan nilai murni dalam perkhidmatan awam.

Pada masa yang sama, penganjuran persidangan ini menyahut aspirasi YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengenai Budaya Keseronokan Bekerja sebagai Strategi Keberhasilan Reformasi 4 (SKR 4) yang terkandung di dalam **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030**. JPA sedang membangunkan **Garis Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Perkhidmatan Awam**, yang dijangka akan dilancarkan pada **November 2024**.

Persidangan yang dianjurkan oleh JPA secara tahunan ini berperanan untuk memperkuuhkan bidang psikologi dalam memperkasakan perkhidmatan awam. Pendekatan kesejahteraan mental digunakan untuk meningkatkan prestasi kerja dalam suasana kondusif, seterusnya menyemarakkan lagi pembudayaan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.

YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang ditemui dalam ucaptama persidangan ini berkata “Melalui dapatan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) yang dilaksanakan mulai 1 Mac hingga September 2024, **seramai lebih 40,000 orang pegawai awam berisiko tinggi mengalami isu kesihatan psikologi** yang memerlukan intervensi segera bagi mengelakkan daripada menghadapi kecelaruan mental. Oleh itu, berdasarkan keperluan semasa dalam bidang intervensi, pencegahan, pemulihan dan penyelidikan, maka **persidangan ini diharap berupaya untuk membantu pembentukan landskap kesihatan mental yang lebih baik**”.

Bertepatan dengan **sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia** yang disambut pada **10 Oktober setiap tahun**, usaha sama JPA dan UNIMAS ini merupakan langkah terbaik dalam memastikan pembangunan kesihatan mental secara konsisten melalui kaedah pendidikan berterusan. Hal ini mampu untuk mempromosikan sokongan emosi yang lebih praktikal dalam menterjemahkan *work life balance* sebagai gaya hidup yang lebih sejahtera.

####

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 1 Oktober 2024  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (77)